

# SME BI 365

## POLISI KERUGIAN TUNTUTAN (BUKAN TARIF)

Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
Peti Surat 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

(No. Daftar Cukai Perkhidmatan: B16-1808-31015443)

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).



1 800 88 3833



[customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)



[www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

# POLISI SME BI 365

## **Bagi Kontrak Insurans Pengguna (Insurans untuk tujuan keseluruhan yang tidak berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan)**

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran daripada **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan dalam **Borang Cadangan Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) dan sebarang pernyataan lain yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan** dari masa penyerahan **Borang Cadangan** oleh **Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) hingga masa kontrak ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan** akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Pihak Syarikat"). Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan daripada **Pihak Diinsuranskan** atau dalam mana-mana pernyataan yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan**, hanya remedii dalam Jadual 9, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 akan diguna pakai.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Pihak Syarikat**.

## **Bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna (Insurans untuk tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion Pihak Diinsuranskan)**

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran daripada **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan dalam **Borang Cadangan Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) dan sebarang pernyataan lain yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan** dari masa penyerahan **Borang Cadangan** oleh **Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) hingga masa kontrak ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan** akan membentuk sebahagian daripada kontrak insurans ini antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Pihak Syarikat"). Sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan daripada **Pihak Diinsuranskan** atau sebarang pernyataan yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Pihak Diinsuranskan**, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Pihak Syarikat**.

Polisi ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran **Premium** seperti yang dinyatakan dalam **Jadual Polisi** dan menurut jawapan yang diberikan dalam **Borang Cadangan Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) dan sebarang pernyataan lain yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan** dari masa penyerahan **Borang Cadangan** oleh **Pihak Diinsuranskan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) hingga masa kontrak ini berkuatkuasa. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang diberikan oleh **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membentuk sebahagian daripada kontrak insurans antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Liberty General Insurance Berhad** (seterusnya dirujuk sebagai "Pihak Syarikat"). Sekiranya terdapat salah nyata pra-kontrak yang dibuat berhubung dengan jawapan **Pihak Diinsuranskan** atau dalam sebarang pernyataan yang dibuat oleh **Pihak Diinsuranskan**, ia mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan**, keengganan atau pengurangan gantirugi **Pihak Diinsuranskan**, perubahan terma-terma atau penamatan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan**.

Polisi ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang dipersetujui antara **Pihak Diinsuranskan** dan **Pihak Syarikat**.

**PIHAK SYARIKAT BERSETUJU** (tertakluk kepada Syarat-Syarat yang terkandung di dalam Polisi ini atau diendors atau selainnya dinyatakan di dalamnya) bahawa jika mana-mana bangunan atau harta benda lain atau mana-mana bahagian daripadanya yang digunakan oleh **Pihak Diinsuranskan** di **Premis** untuk tujuan **Perniagaan** dimusnahkan atau dirosakkan akibat:

- (1) Kebakaran,

# POLISI SME BI 365

- (2) Kilat,
- (3) Letupan, di dalam bangunan di mana gas tidak dianakan dan tidak membentuk sebahagian daripada mana-mana loji gas, daripada gas digunakan di dalamnya untuk tujuan pencahayaan atau kegunaan domestik.

(kemusnahan atau **Kerosakan** yang berlaku seterusnya dirujuk sebagai **Kerosakan**) pada bila-bila masa dalam **Tempoh Insurans** atau sebarang tempoh selanjutnya yang **Pihak Syarikat** bersetuju menerima **Premium** yang diperlukan bagi pembaharuan Polisi ini dan **Perniagaan** yang dijalankan oleh **Pihak Diinsuranskan** di **Premis** terganggu atau terhalang akibatnya.

Maka **Pihak Syarikat** akan membayar kepada **Pihak Diinsuranskan** bagi setiap butiran dalam **Jadual** ini jumlah **Kerugian** yang dialami akibat gangguan atau halangan tersebut menurut peruntukan yang terkandung di dalamnya berasaskan Susunan Kata Spesifikasi – Dasar **Hasil Bersih**.

DENGAN SYARAT BAHAWA pada masa berlakunya **Kerosakan** terdapat insurans berkuat kuasa yang melindungi kepentingan **Pihak Diinsuranskan** dalam harta benda di **premis** terhadap **Kerosakan** tersebut dan bayaran telah dibuat atau liabiliti diterima di bawah insurans tersebut.

DAN BAHAWA liabiliti **Pihak Syarikat** dalam apa juu keadaan bagi setiap butiran tidak harus melebihi jumlah yang dinyatakan dalam **Jadual** yang diinsuranskan baginya atau **Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan** di dalam ini atau jumlah atau jumlah-jumlah lain sedemikian yang mungkin digantikan baginya menerusi **Pengendorsan** di dalam ini atau dilampirkan kepadanya yang ditandatangani oleh atau bagi **Pihak Syarikat**.

DENGAN SYARAT PADA SETIAP MASA bahawa pematuhan dan pelaksanaan terma-terma, syarat-syarat dan **Pengendorsan** Polisi selagi ia berkaitan apa sahaja yang perlu dilakukan atau dipatuhi oleh **Pihak Diinsuranskan** menjadi syarat-syarat sebelum **Pihak Syarikat** menerima sebarang liabiliti untuk membuat bayaran di bawah Polisi.

## Definisi Am

Makna yang dimaksudkan untuk sebahagian daripada perkataan penting yang digunakan dalam Polisi ini ditunjukkan dalam jadual yang berikut. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara terma-terma, syarat-syarat, pengecualian, fasal, waranti dan/atau **Pengendorsan** am yang dinyatakan dalam Polisi ini dan terma-terma, syarat-syarat, pengecualian, fasal, waranti dan/atau **Pengendorsan** khusus di bawah mana-mana perlindungan insurans khusus yang dinyatakan dalam Polisi, maka definisi khusus akan diguna pakai.

Perkataan	Definisi
<b>Perniagaan</b>	Aktiviti, profesion, perdagangan atau kerja utama yang dilakukan oleh <b>Pihak Diinsuranskan</b> , dan tujuan <b>Pihak Diinsuranskan</b> ditubuhkan, seperti yang dinyatakan dalam <b>Borang Cadangan</b> atau seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<b>Kerosakan</b>	<b>Kehilangan</b> fizikal atau kemusnahan Harta Benda diinsuranskan, yang menjelaskan kebergunaan atau menyebabkan kehilangan penggunaan.
<b>Pengendorsan</b>	Sebarang pindaan kepada susunan kata atau had Polisi seperti yang dinyatakan dalam dokumen yang dilampirkan kepada Polisi atau dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<b>Indemniti</b>	Jumlah yang layak diterima oleh <b>Pihak Diinsuranskan</b> di bawah peruntukan Susunan Kata Spesifikasi – Dasar <b>Hasil Bersih</b> tetapi tidak melebihi <b>Jumlah Diinsuranskan Keseluruhan</b> seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<b>Pihak Diinsuranskan</b>	Entiti <b>Perniagaan</b> yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<b>Kerugian</b>	Jumlah Kerugian yang dialami <b>Pihak Diinsuranskan</b> menurut peruntukan Susunan Kata Spesifikasi yang dilampirkan.
<b>Hasil Bersih</b>	Menurut Definisi Khusus yang dinyatakan dalam Susunan Kata Spesifikasi.

<b>Tempoh Insurans</b>	a) Tempoh perlindungan seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> b) Dan untuk mana-mana tempoh selanjutnya di mana perlindungan dilanjutkan menerusi <b>Pengendorsan</b> .
<b>Premis</b>	Bangunan yang dirujuk menurut alamat <b>Pihak Diinsuranskan</b> seperti yang dinyatakan sebagai Tempat dalam <b>Jadual</b> sebagai alamat <b>Perniagaan Pihak Diinsuranskan</b> .
<b>Premium</b>	Jumlah yang perlu dibayar oleh <b>Pihak Diinsuranskan</b> kepada <b>Pihak Syarikat</b> termasuk caj kerajaan, seperti yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<b>Borang Cadangan</b>	Sebarang <b>Borang Cadangan</b> yang ditandatangani dan perakuan dan sebarang maklumat yang berhubung dengan Polisi yang diberikan oleh atau bagi <b>Pihak Diinsuranskan</b> .
<b>Jadual</b>	<b>Jadual</b> yang dilampirkan kepada dan membentuk sebahagian penting daripada Polisi ini termasuk pembaharunya sama ada secara sepenuhnya atau sebahagiannya.
<b>Jumlah Diinsuranskan</b>	Bagi setiap butiran yang dilindungi di bawah Kepentingan <b>Pihak Diinsuranskan</b> , jumlah yang dinyatakan dalam <b>Jadual</b> .
<b>Pihak Syarikat</b>	<b>Liberty General Insurance Berhad</b>

**Nota:**

1. Bagi membantu **Pihak Diinsuranskan** membaca dan lebih memahami Polisinya dengan lebih baik, **Pihak Syarikat** memberikan nota penerangan bersama-sama dengan ulasan dan contoh (ditulis dalam huruf condong). Nota sedemikian tidak bertujuan untuk membentuk sebahagian daripada Polisi **Pihak Diinsuranskan** dan tidak akan digunakan untuk mentafsirkan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan** sekiranya terdapat sebarang pertikaian.
2. Perkataan dalam huruf tebal  
*Perhatikan bahawa terdapat perkataan-perkataan dalam Polisi yang dicetak dalam huruf tebal. Ini adalah kerana perkataan ini telah diberikan maksud khusus dalam Polisi. Sila rujuk kepada "Definisi Am" atau "Definisi Khusus" Polisi bagi makna perkataan ini.*

## SUSUNAN KATA SPESIFIKASI

<b>Dasar Hasil Bersih</b>	
SPESIFIKASI yang dirujuk dalam Polisi No..... di bawah nama ..... dan membentuk sebahagian penting daripada Polisi.	
No. Item	<b>Jumlah Diinsuranskan</b>
1. Mengenai <b>Hasil Bersih</b>	
INSURANS DI BAWAH ITEM No.1 terhad kepada (a) Kehilangan <b>Hasil Bersih</b> dan (b) Peningkatan Kos Kerja, dan jumlah perlu dibayar sebagai <b>Indemniti</b> di bawahnya adalah:	
(a) <b>BAGI PENGURANGAN PEROLEHAN:</b> jumlah yang diperolehi dengan mengenakan <b>Kadar Hasil Bersih</b> ke atas jumlah di mana <b>Perolehan</b> di bawah <b>Tempoh Indemniti</b> didapati lebih rendah daripada <b>Perolehan Standard</b> disebabkan oleh <b>Kerosakan</b> . (b) <b>BAGI PENINGKATAN KOS KERJA:</b> perbelanjaan tambahan yang perlu dan sewajarnya ditanggung semata-mata untuk tujuan mengelakkan atau mengurangkan kemerosotan <b>Perolehan</b> yang tetapi untuk perbelanjaan itu akan berlaku semasa <b>Tempoh Indemniti</b> akibat daripada <b>Kerosakan</b> , tetapi tidak melebihi jumlah yang dihasilkan dengan menggunakan <b>Kadar Pengambilan Bersih</b> kepada jumlah pengurangan yang dielakkan:  tolak sebarang jumlah yang dijmikan dalam <b>Tempoh Indemniti</b> bagi caj atau perbelanjaan kerja <b>Perniagaan</b> yang perlu dibayar daripada <b>Hasil Bersih</b> yang mungkin berhenti atau dikurangkan akibat <b>Kerosakan</b> tersebut:  dengan syarat bahawa jika <b>Jumlah Diinsuranskan</b> bagi Item ini kurang daripada jumlah yang diperolehi dengan mengenakan <b>Kadar Hasil Bersih</b> ke atas <b>Perolehan Tahunan</b> , jumlah yang perlu dibayar hendaklah dikurangkan secara berkadar.	

# POLISI SME BI 365

<b>Definisi Khusus</b>	
<b>Hasil Bersih</b>	
Jumlah di mana <b>Perolehan</b> melebihi jumlah Pembelian yang berkaitan dengannya.	
<b>Perolehan</b>	
Nilai Jualan yang dibuat dan caj bagi kerja yang dilakukan dalam urusan <b>Perniagaan</b> di <b>Premis</b> .	
<b>Tempoh Indemniti</b>	
Tempoh yang bermula apabila berlakunya <b>Kerosakan</b> dan berakhir tidak lewat daripada ..... bulan selepas itu di mana keputusan <b>Perniagaan</b> terjejas disebabkan oleh <b>Kerosakan</b> .	
<b>Tempoh Indemniti Maksimum ..... Bulan</b>	
<b>Kadar Hasil Bersih</b> <b>Kadar Hasil Bersih yang</b> Diraih atas <b>Perolehan</b> pada tahun kewangan sebaik sebelum tarikh <b>Kerosakan</b> .	dengan pelarasan tersebut hendaklah dibuat seperti yang mungkin perlu untuk menunjukkan trend bagi <b>Perniagaan</b> dan untuk variasi dalam atau keadaan lain yang mempengaruhi <b>Perniagaan</b> sama ada sebelum atau selepas <b>Kerosakan</b> atau yang sepatutnya akan menjelaskan <b>Perniagaan</b> sekiranya <b>Kerosakan</b> tidak berlaku, supaya angka yang dilaraskan mewakili nilai sehampir yang mungkin dengan keputusan yang mungkin dicatatkan sekiranya <b>Kerosakan</b> telah berlaku dalam tempoh relatif selepas <b>Kerosakan</b> .
<b>Perolehan Tahunan</b> <b>Perolehan</b> dalam tempoh dua belas bulan sebaik sebelum kadar <b>Kerosakan</b> .	
<b>Perolehan Standard</b> <b>Perolehan</b> dalam tempoh dua belas bulan sebaik sebelum tarikh <b>Kerosakan</b> yang bersamaan dengan <b>Tempoh Indemniti</b> .	
Memo 1. Jika dalam <b>Tempoh Indemniti</b> , barang dijual atau perkhidmatan diberikan di tempat lain selain daripada <b>Premis</b> demi manfaat <b>Perniagaan</b> sama ada oleh <b>Pihak Diinsuranskan</b> atau oleh orang lain bagi pihaknya, wang yang dibayar atau perlu dibayar bagi jualan atau perkhidmatan sedemikian hendaklah diambil kira apabila mengira <b>Perolehan</b> dalam <b>Tempoh Indemniti</b> .	

## SYARAT-SYARAT

### 1. KEWAJIPAN PENDEDAHAN

**Pihak Diinsuranskan** mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang diketahui oleh **Pihak Diinsuranskan** yang akan mempengaruhi keputusan **Pihak Syarikat** untuk menerima risiko dan menentukan kadar dan terma-terma yang boleh diguna pakai dan apa-apa perkara yang boleh dijangka diketahui oleh orang yang munasabah dalam keadaan itu adalah berkaitan; jika tidak, kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan** boleh diabaikan, tuntutan **Pihak Diinsuranskan** boleh ditolak atau dikurangkan, dan kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan** diubah terma-termanya atau ditamatkan.

**Pihak Diinsuranskan** juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu **Pihak Syarikat** serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Pihak Diinsuranskan** berkuatkuasa, diubah atau diperbaharui dengan **Pihak Syarikat** jika sebarang maklumat yang diberikan dalam **Borang Cadangan** (atau apabila **Pihak Diinsuranskan** memohon insurans ini) telah menjadi tidak tepat atau berubah.

### 2. BAYARAN PREMIUM

Pembayaran mana-mana **Premium** tidak dianggap sebagai bayaran kepada **Pihak Syarikat** melainkan resit bercetak baginya, yang ditandatangani oleh Pegawai atau ejen **Pihak Syarikat** yang dilantik dengan sewajarnya, telah diberikan kepada **Pihak Diinsuranskan**.

# POLISI SME BI 365

## 3. INSURANS LAIN

**Pihak Diinsuranskan** hendaklah memberikan notis kepada **Pihak Syarikat** tentang apa-apa insurans yang sudah berkuat kuasa, atau yang mungkin berkuat kuasa kemudiannya, yang melindungi **Kerugian** yang diinsurangkan dan melainkan jika notis tersebut diberikan dan butiran insurans tersebut dinyatakan di dalam atau diendors pada Polisi ini untuk atau bagi **Pihak Syarikat** sebelum berlakunya sebarang **Kerosakan**, semua manfaat di bawah Polisi ini akan ditarik balik.

## 4. PERUBAHAN TEMPAT

Sebaik sahaja runtuhnya atau berubahnya tempat

- (a) mana-mana bangunan yang **Kerosakannya** mungkin menimbulkan tuntutan di bawah Polisi;
- (b) mana-mana bahagian bangunan tersebut;
- (c) seluruh atau mana-mana bahagian rangkaian bangunan atau sebarang struktur yang membentuk sebahagian daripada bangunan.

Insurans di bawah Polisi ini hendaklah tamat yang berhubung dengan **Kerugian** akibat **Kerosakan** ke atas bangunan sedemikian atau ke atas harta yang berada di dalamnya

### DENGAN SYARAT:-

- (i) Runtuhan atau perubahan tempat tersebut meliputi keseluruhan atau sebahagian besar atau sebahagian penting daripada bangunan atau menjelaskan kebergunaan bangunan tersebut atau mana-mana bahagian daripadanya, atau membiarkan bangunan tersebut atau mana-mana bahagiannya atau sebarang harta benda yang terkandung di dalamnya tertakluk kepada peningkatan risiko **Kerosakan** atau sebaliknya material;
- (ii) Runtuhan atau perubahan tempat tersebut bukan disebabkan oleh **Kerosakan**, **Kerugian** yang dilindungi oleh Polisi ini atau akan dilindungi jika bangunan atau rangkaian bangunan atau struktur tersebut termasuk dalam **Premis** yang dirujuk oleh Polisi ini.

Sekiranya sebarang tuntutan dibuat di bawah Polisi ini akibat daripada **Kerosakan**, sama ada yang berlaku sebelum, semasa atau selepas runtuhnya atau perubahan tempat, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memberikan bukti yang diperlukan dengan sewajarnya bahawa **Kerugian** bukan, sama ada pada asalnya atau setakat mana yang mungkin, secara langsung atau tidak langsung, dari dekat atau jauh, disebabkan oleh atau berpunca daripada sebarang runtuhnya atau perubahan tempat tersebut dan bukan pada asalnya atau setakat mana yang mungkin, secara langsung atau tidak langsung, dari dekat atau jauh, timbul daripada atau berhubung dengan mana-mana runtuhnya atau perubahan tempat tersebut.

## 5. KERUGIAN GANGGUAN YANG TIDAK DILINDUNGJI

**Pihak Syarikat** tidak menanggung liabiliti apabila kerugian gangguan meningkat:-

- (a) akibat kejadian luar biasa yang berlaku semasa gangguan,
- (b) akibat sekatan yang dikenakan oleh pihak berkuatkuasa terhadap pembinaan semula atau operasi **Perniagaan**,
- (c) disebabkan **Pihak Diinsuranskan** kekurangan modal secukupnya untuk membaik pulih atau menggantikan harta benda yang musnah, rosak atau hilang tepat pada masanya.

## 6. PERLINDUNGAN YANG TIDAK DIMASUKKAN

Insurans ini tidak melindungi:-

**Kerugian** yang disebabkan oleh atau belaku atau berpunca daripada:-

- (a) Pembakaran harta benda atas perintah mana-mana Pihak Berkuasa Awam,
- (b) Kebakaran bawah tanah,
- (c) Letusan kecuali yang dinyatakan dalam Polisi.
- (d) Pembakaran, sama ada sengaja atau tidak, hutan, belukar, lalang, prairi, pampas atau rimba dan pembersihan tanah dengan

# POLISI SME BI 365

membakar,

- (e) **Kerosakan** kepada harta benda yang berlaku disebabkan oleh penapaian sendiri, pemanasan semula jadi atau pembakaran spontan atau disebabkan menjalani sebarang proses pemanasan atau pengeringan.

## 7. PERLINDUNGAN YANG TIDAK DIMASUKKAN

Insurans ini tidak melindungi sebarang **Kerugian** yang timbul daripada **Kerosakan** yang sama ada pada asalnya atau setakat mana yang mungkin, secara langsung atau tidak langsung, dari dekat atau jauh, disebabkan oleh atau berpunca daripada mana-mana kejadian berikut, atau yang sama ada pada asalnya atau setakat mana yang mungkin, secara langsung atau tidak langsung, secara dekat atau jauh, berpunca daripada atau berhubung dengan mana-mana kejadian sedemikian, iaitu:-

- (a) Gempa bumi, letusan gunung berapi, taufan, hurikan, puting beliung, siklon, atau sebarang bencana alam atau gangguan atmosfera yang lain;
- (b) Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, permusuhan atau operasi ketenteraan (sama ada peperangan diisyiharkan atau tidak), dahagi, rusuhan, kekacauan awam, insureksi, pemberontakan, revolusi, konspirasi, rampasan kuasa tentera, undang-undang tentera atau keadaan pengepungan atau mana-mana peristiwa atau sebab yang menentukan pengisytiharan atau pengekalan undang-undang tentera atau keadaan pengepungan;
- (c) **Kerugian** atau **Kerosakan** yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada atau disumbangkan oleh bahan senjata nuklear;
- (d) **Kerugian** atau **Kerosakan** yang secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh atau berpunca daripada atau akibat daripada radiasi pengionan atau pencemaran oleh radioaktiviti daripada sebarang bahan api nuklear atau daripada sebarang sisa nuklear daripada pembakaran bahan api nuklear.
- (e) Sebarang bentuk tindakan keganasan

Untuk tujuan ini, tindakan keganasan bermaksud tindakan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggunaan kekerasan atau paksaan dan/atau ancamannya daripadanya, oleh mana-mana orang atau kumpulan orang, sama ada bertindak sendirian atau bagi pihak atau berhubung dengan mana-mana organisasi atau kerajaan, yang dilakukan untuk tujuan politik, agama, ideologi atau tujuan yang serupa termasuk hasrat untuk mempengaruhi mana-mana kerajaan dan/atau menyebabkan orang awam atau mana-mana kumpulan orang awam berada dalam ketakutan.

Sebarang **Kerugian** yang dialami akibat **Kerosakan** yang berlaku semasa wujudnya keadaan yang luar biasa (sama ada fizikal atau selainnya), secara langsung atau tidak langsung, dekat atau jauh, disebabkan oleh atau berpunca daripada atau berlaku kerana atau berpunca daripada mana-mana kejadian di atas yang dianggap sebagai **Kerugian** yang tidak dilindungi oleh insurans ini, kecuali setakat mana **Pihak Diinsuranskan** dapat membuktikan bahawa **Kerosakan** tersebut berlaku secara berasingan tanpa disebabkan kewujudan keadaan luar biasa tersebut.

Dalam sebarang tindakan, saman atau prosiding lain di mana **Pihak Syarikat** mendakwa atas sebab peruntukan di bawah syarat ini bahawa sebarang **Kerugian** tidak dilindungi oleh insurans ini, beban membuktikan **Kerugian** tersebut dilindungi hendaklah daripada **Pihak Diinsuranskan**.

## 8. PERUBAHAN RISIKO

Insurans di bawah Polisi ini akan tamat jika:-

- (a) **Perniagaan** dibubarkan atau dijalankan oleh Pelikuidasi atau Penerima atau dihentikan secara kekal atau
- (b) kepentingan **Pihak Diinsuranskan** ditamatkan selain daripada kematian atau
- (c) sebarang perubahan dibuat sama ada kepada **Perniagaan** atau di dalam **Premis** atau harta benda di dalamnya di mana risiko **Kerosakan** bertambah, pada bila-bila masa selepas permulaan insurans, melainkan penyambungannya diperakui menerusi memorandum yang ditandatangani oleh dan bagi **Pihak Syarikat**.

## 9. PENINGKATAN RISIKO

Notis hendaklah diberikan kepada **Pihak Syarikat** dan, jika perlu, **Premium** tambahan dibayar, jika kadar **Premium** yang perlu dibayar bagi insurans yang melindungi kepentingan **Pihak Diinsuranskan** dalam harta benda di **Premis** terhadap **Kerosakan** akan meningkat.

## 10. PEMBATALAN

Insurans boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas permintaan **Pihak Diinsuranskan**, dan dalam hal ini **Pihak Syarikat** akan menyimpan kadar tempoh singkat lazim untuk jangka masa selama Polisi telah berkuatkuasa. Insurans ini juga boleh ditamatkan pada bila-bila masa atas pilihan **Pihak Syarikat** dengan memberikan notis mengenainya kepada **Pihak Diinsuranskan**, dan dalam hal ini **Pihak Syarikat** bertanggungjawab untuk membayar balik atas tuntutan jumlah **Premium berkadar** untuk tempoh belum luput dari tarikh pembatalan.

## 11. PROSEDUR TUNTUTAN

Sekiranya berlaku sebarang **Kerosakan** yang mengakibatkan tuntutan yang telah dibuat atau mungkin dibuat di bawah Polisi ini, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah dengan serta-merta memberikan notis mengenainya kepada **Pihak Syarikat** dan hendaklah menerusi usaha wajar melakukan dan bersetuju untuk melakukan dan membenarkan dilakukan segala tindakan yang munasabah untuk mengurangkan atau memeriksa sebarang gangguan atau halangan dalam **Perniagaan** atau untuk mengelakkan atau mengurangkan **Kerugian** dan sekiranya tuntutan yang dibuat di bawah Polisi, hendaklah tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari selepas tamat **Tempoh Indemniti** atau dalam tempoh selanjutnya yang mungkin dibenarkan oleh **Pihak Syarikat** secara bertulis, atas perbelanjaannya sendiri, menghantar Pernyataan bertulis yang memperincikan butiran-butiran tuntutan kepada **Pihak Syarikat**, bersama maklumat semua insurans lain (jika ada) mengenai **Kerosakan** atau mana-mana bahagiannya atau kerugian turut atau sebarang kerugian yang timbul daripadanya. **Pihak Diinsuranskan**, atas perbelanjaannya sendiri, hendaklah menghasilkan, memperolehi dan memberikan kepada **Pihak Syarikat** buku akaun dan buku **Perniagaan**, baucar, invois, lembaran imbalan dan dokumen lain, bukti, maklumat, penerangan dan bukti lain yang sewajarnya diperlukan oleh atau bagi **Pihak Syarikat** atas tujuan menyiasat atau menentusahkan tuntutan bersama perakuan sumpah atau sebarang bentuk pengesahan di bawah undang-undang tentang tuntutan dan apa-apa perkara yang berkaitan dengannya. Tiada tuntutan di bawah Polisi ini perlu dibayar melainkan terma-terma bagi syarat ini telah dipatuhi dan sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam sebarang hal, apa-apa bayaran berhubung dengan tuntutan yang sudah dibuat hendaklah dibayar balik kepada **Pihak Syarikat** dengan segera.

## 12. PENIPUAN

Jika tuntutan yang dibuat didapati melibatkan penipuan dalam apa jua hal, atau jika sebarang perakuan palsu dibuat atau digunakan untuk menyokongnya, atau jika sebarang cara atau kaedah melibatkan penipuan digunakan oleh **Pihak Diinsuranskan** atau sesiapa yang bertindak bagi pihaknya untuk mendapatkan sebarang manfaat di bawah Polisi ini; atau, jika **Kerosakan** disebabkan oleh tindakan disengajakan, atau dengan persekongkolan **Pihak Diinsuranskan**; atau, jika tuntutan dibuat dan ditolak dan tindakan atau saman tidak dimulakan dalam masa tiga (3) bulan selepas penolakan tersebut, atau (dalam kes membatitkan Penimbangtaraan menurut Syarat 15 Polisi ini) dalam masa tiga (3) bulan selepas Penimbang Tara atau para Penimbang Tara atau Pengadil membuat keputusan, semua manfaat di bawah Polisi ini akan ditarik balik.

## 13. SUMBANGAN

Jika pada masa sebarang **Kerugian** di bawah Polisi ini, terdapat insurans lain yang wujud, sama ada diambil oleh **Pihak Diinsuranskan** atau oleh mana-mana pihak lain yang melindungi **Kerugian** tersebut atau mana-mana bahagiannya, **Pihak Syarikat** tidak menanggung liabiliti untuk membayar atau menyumbang di bawah ini lebih daripada bahagian sekadar **Kerugian** tersebut.

## 14. SUBROGASI

**Pihak Diinsuranskan** hendaklah, atas pembiayaan **Pihak Syarikat**, melakukan dan bersetuju untuk melakukan, dan membenarkan untuk dilakukan, semua tindakan dan perkara yang mungkin perlu atau sewajarnya diperlukan oleh **Pihak Syarikat** untuk tujuan

# POLISI SME BI 365

menguatkuasakan sebarang hak dan remedi, atau untuk mendapatkan ganti rugi atau **Indemniti** daripada pihak lain yang layak diterima atau akan layak diterima secara subrogasi oleh **Pihak Syarikat**, selepas menjelaskan bayaran sebarang **Kerugian** di bawah Polisi, sama ada tindakan atau perkara tersebut telah atau akan menjadi perlu atau diperlukan sebelum atau selepas pembayaran ganti rugi oleh **Pihak Syarikat**.

## 15. PENIMBANGTARAAN

Jika terdapat sebarang percanggahan yang timbul mengenai jumlah sebarang **Kerugian**, percanggahan tersebut hendaklah secara berasingan daripada sebarang persoalan lain dirujuk kepada keputusan seorang Penimbang Tara yang dilantik secara bertulis oleh pihak-pihak bercanggah, atau jika mereka tidak bersetuju Penimbang Tara tunggal, kepada keputusan dua orang yang tidak berkepentingan sebagai Penimbang Tara, setiap seorang akan dilantik secara bertulis oleh setiap pihak dalam masa dua (2) bulan kalender selepas dikehendaki berbuat demikian secara bertulis oleh pihak yang satu lagi. Dalam kes apabila salah satu pihak enggan atau gagal melantik Penimbang Tara dalam masa dua (2) bulan kalender selepas menerima notis bertulis untuk membuat pelantikan, pihak yang satu lagi bebas untuk melantik Penimbang Tara tunggal; dan dalam kes ketidaksetujuan antara para Penimbang Tara, percanggahan tersebut hendaklah dirujuk kepada keputusan seorang Pengadil yang dilantik oleh mereka secara bertulis sebelum memasuki tentang perkara yang dirujuk dan sesiapa yang akan duduk bersama para Penimbang Tara dan mempergerusikan mesyuarat mereka. Kematian mana-mana pihak tidak akan membatalkan atau mempengaruhi autoriti atau kuasa Penimbang Tara, atau para Penimbang Tara atau Pengadil masing-masing, dan sekiranya berlaku kematian Penimbang Tara atau Pengadil, seorang lagi hendaklah dalam setiap kes dilantik untuk menggantikan tempatnya oleh pihak atau Penimbang Tara (mengikut keadaan) yang telah melantik Penimbang Tara atau Pengadil yang meninggal dunia itu dahulu. Kos rujukan dan keputusan adalah atas budi bicara Penimbang Tara, para Penimbang Tara atau Pengadil yang membuat keputusan tersebut. Dan dengan ini dinyatakan secara khusus dan diperakui bahawa adalah menjadi syarat sebelum sebarang hak mengambil tindakan atau saman ke atas Polisi ini bahawa keputusan oleh Penimbang Tara, para Penimbang Tara atau Pengadil tersebut bagi jumlah **Kerugian** yang dipertikaikan hendaklah diperolehi terlebih dahulu.

## 16. PENGEMBALIAN JUMLAH DIINSURANSKAN

Sebagai pertimbangan kepada **Premium** tambahan yang dibayar oleh **Pihak Diinsuranskan** pada kadar yang dipersetujui bagi jumlah **Kerugian** yang dikira atas dasar prorata dari tarikh **Kerugian** sehingga tamat **Tempoh Insurans** yang tepat, adalah dengan ini dipersetujui bahawa sekiranya berlaku **Kerugian**, insurans di bawah ini akan terus berkuat kuasa untuk **Jumlah Diinsuranskan** penuh.

## 17. HAD MASA

Dalam apa jua kes, **Pihak Syarikat** tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan di bawah Polisi ini selepas tamat tempoh

- (a) satu (1) tahun dari tarikh akhir **Tempoh Indemniti**, atau sekiranya lebih lewat,
- (b) tiga (3) bulan dari tarikh pembayaran telah dibuat atau liabiliti diperakui oleh para penanggung insurans yang melindungi **Kerosakan** yang menimbulkan tuntutan tersebut,

melainkan tuntutan ini tertakluk kepada tindakan atau penimbangtaraan yang sedang dijalankan.

## 18. MAKSUD

Polisi dan **Jadual** yang dilampirkan (yang membentuk sebahagian penting daripada Polisi ini) hendaklah dibaca bersama sebagai satu kontrak dan perkataan dan pernyataan yang mempunyai maksud khusus telah dilampirkan dalam mana-mana bahagian Polisi atau **Jadual** akan mempunyai maksud khusus tersebut di mana ia muncul.

## 19. NOTIS

Setiap notis dan komunikasi lain kepada **Pihak Syarikat** yang diperlukan di bawah syarat-syarat ini mestilah dalam bentuk bertulis atau bercetak.

# POLISI SME BI 365

## MANFAAT TAMBAHAN

### 1. FASAL KOS BUKU KIRA-KIRA

Pihak Syarikat hendaklah membayar kepada Pihak Diinsuranskan kos dan perbelanjaan yang perlu dan sewajarnya ditanggung untuk menyediakan buku akaun atau buku **Perniagaan** atau dokumen lain atau bukti, maklumat atau keterangan lain yang mungkin diperlukan oleh Pihak Syarikat, tetapi tidak terkecuali yang berikut:

- (a) semua yuran profesional untuk tujuan menyiasat atau menentusahkan tuntutan; dan
- (b) semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Pihak Diinsuranskan untuk tujuan mempertikaikan sebarang isu mengenai liabiliti di bawah Polisi.

Jumlah yang perlu dibayar bagi lanjutan ini hendaklah tidak melebihi 1% daripada **Jumlah Diinsuranskan** bagi Polisi atau RM10,000 yang mana lebih rendah bagi mana-mana satu kejadian dan secara agregat atas dasar setiap Polisi bagi mana-mana satu **Tempoh Insurans**.

Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi.

### 2. FASAL GANTI RUGI PURATA - 85%

Walau apa pun peruntukan yang disebutkan dalam Susunan Kata Spesifikasi, jika **Hasil Bersih** yang diinsuranskan di dalam ini, pada masa apabila berlaku sebarang **Kerugian**, secara terkumpul mempunyai nilai lebih besar daripada **Jumlah Diinsuranskan** ke atasnya, maka Pihak Diinsuranskan hendaklah dianggap sebagai penanggung insurans sendiri bagi perbezaan nilai dan akan menanggung jumlah sekadar **Kerugian** dengan sewajarnya.

Dengan ini diambil perhatian dan dipersetujui bahawa walau apa pun **Jumlah Diinsuranskan** khusus yang diperakui di dalam Polisi, nilai purata akan diguna pakai dengan merujuk kepada **Hasil Bersih** berbanding **Jumlah Diinsuranskan** Keseluruhan di **Premis** sama yang diinsuranskan. Insurans ini tidak tertakluk kepada purata jika **Jumlah Diinsuranskan** melebihi 85% daripada nilai **Hasil Bersih** yang diinsuranskan pada masa **Kerugian**.

Bagi setiap item yang dinyatakan dalam Polisi, jika **Jumlah Diinsuranskan** adalah kurang daripada 85% daripada nilai keseluruhan Item Diinsuranskan pada masa **Kerugian** atau kemusnahan atau **Kerosakan**, Pihak Syarikat hanya akan membayar jumlah menurut formula di bawah:

<b>Jumlah Diinsuranskan</b>		<b>Indemniti</b> dikira berdasarkan
Nilai keseluruhan butiran Diinsuranskan pada masa <b>Kerugian</b> atau kemusnahan atau <b>Kerosakan</b> berdasarkan <b>Susunan Kata</b> Spesifikasi Dasar Hasil Bersih	X	Susunan Kata Spesifikasi

Contoh:

Apabila Item Diinsuranskan bernilai RM200,000 tetapi diinsuranskan hanya untuk RM100,000 dan **Kerugian** RM50,000 (Berasaskan Susunan Kata Spesifikasi) berlaku, Pihak Syarikat akan membayar:

RM100,000	RM50,000
RM200,000	X

# POLISI SME BI 365

Oleh kerana **Jumlah Diinsuranskan** bagi Item Diinsuranskan adalah kurang daripada 85% nilai keseluruhan, **Pihak Syarikat** hanya akan membayar RM25,000 dan bukannya RM50,000.

Jika **Jumlah Diinsuranskan** keseluruhan adalah kurang daripada 85% jumlah nilai diinsuranskan bagi **Hasil Bersih**, jumlah yang perlu dibayar adalah menurut formula di atas.

Tertakluk selainnya kepada terma-terma dan syarat-syarat Polisi.

## NOTIS PENTING

1. **Pihak Diinsuranskan** hendaklah membaca Polisi ini dengan teliti, dan jika terdapat kesilapan atau keterangan yang salah, atau jika perlindungan tidak memenuhi kehendak **Pihak Diinsuranskan**, **Pihak Diinsuranskan** hendaklah memaklumkan kepada **Pihak Syarikat** dan mengembalikan Polisi untuk membuat pembetulan sewajarnya.
2. **Pihak Diinsuranskan** yang tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan **Pihak Syarikat** boleh mendapatkan bantuan melalui Unit Pengendalian Aduan kami dan sebagai alternatif, boleh juga mendapatkan pembelaan atau bantuan daripada Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan atau melayari Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK) Bank Negara Malaysia yang beralamat seperti di bawah:

a) **Unit Pengurusan Aduan**

**Liberty General Insurance Berhad**

Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan, Pusat Hubungan Pelanggan

Liberty Insurance Tower,

CT9, Pavilion Damansara Heights,

3, Jalan Damanlela,

Pusat Bandar Damansara,

50490 Kuala Lumpur.

Tel : +603-2268 3333 (Talian Am) atau

**Maklumat hubungan untuk kesemua jenama kami boleh didapati di bawah:**

**Saluran Hubungan Liberty Insurance**

Talian Khas Liberty Insurance: 1300 888 990

E-mel: customer@libertyinsurance.com.my

Laman Web: www.libertyinsurance.com.my

**Saluran Hubungan Kurnia Insurans**

Talian Khas Kurnia Insurans: 1 800 88 3833

E-mel: customer@kurnia.com

Laman Web: www.kurnia.com

**Saluran Hubungan AmAssurance**

Talian Khas AmAssurance Insurance: 1 800 88 6333

E-mel: customer@amassurance.com.my

Laman Web: www.amassurance.com.my

# POLISI SME BI 365

**b) Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OFS)**

Tingkat 14, Blok Utama, Menara Takaful Malaysia  
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman 50000 Kuala Lumpur  
Tel : +603-2272 2811  
Faks : +603-2272 1577

**c) BNMLINK (Laman Informasi Nasihat dan Khidmat)**

**Bank Negara Malaysia**

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn,  
50480 Kuala Lumpur.  
Tel : +603-2698 8044 (Talian Am) / 1 300 88 5465 (BNMLINK)  
Faks : +603-2174 1515  
e-Pautan : bnmlink.bnm.gov.my  
E-mel : bnmlink@bnm.gov.my  
Laman Web: [www.bnmm.gov.my](http://www.bnmm.gov.my)

3. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk kepada Brosur TIPS PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).